

Proceeding of ICECRS, 1 (2016) 663-676

ISSN. 2548-6160

International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia.

Available online: <http://ojs.umsida.ac.id/index.php/icecrs>

Article DOI: <http://dx.doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.540>

## KEFAHAMAN DAN PENGAMALAN AKHLAK DALAM KALANGAN PELAJAR POLITEKNIK SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH

<sup>1</sup>Mohd Khairi Bin Shafie

[khairiqi@gmail.com](mailto:khairiqi@gmail.com)

<sup>2</sup>Mohamad Khairi Bin Haji Othman

[m\\_khairi@uum.edu.my](mailto:m_khairi@uum.edu.my)

<sup>1</sup>Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia

---

**ABSTRAK:** Akhlak yang baik adalah hasil daripada kefahaman ilmu pengetahuan yang diperolehi secara formal dan tidak formal. Dewasa ini, kepincangan akhlak timbul dalam masyarakat yang sukar dibendung lagi. Kurangnya penghayatan akhlak Islam di pengaruhi oleh pelbagai faktor antaranya faktor kefahaman pelajar serta sikap pelajar. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kefahaman dan pengamalan akhlak dalam kalangan pelajar, untuk menentukan perbezaan kefahaman dan pengamalan akhlak berdasarkan demografi jantina dan tempat tinggal. Seramai 381 pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dipilih sebagai responden untuk menjawab soal selidik. Data yang diperolehi daripada borang kaji selidik dianalisis menggunakan perisian program *Statistical Packages For Social Science* (SPSS) versi 20.0 dan dapatan kajian diuraikan dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif dan inferensi untuk menganalisa hipotesis kajian. Analisa data melibatkan min dan ujian-t. Kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* bagi item borang kaji selidik soalan kefahaman akhlak iaitu 0.94 dan soalan pengamalan akhlak iaitu 0.97 adalah tinggi. Dapatan kajian mendapati tahap kefahaman ajaran Islam meliputi akhlak dalam kalangan responden berada pada tahap yang tertinggi bagi setiap aspek yang dikaji. Manakala dapatan kajian mendapati tahap pengamalan ajaran Islam meliputi akhlak juga tinggi. Namun terdapat sebahagian kecil responden tidak mengamalkan apa yang mereka faham terutama perkara-perkara yang berkaitan akhlak. Oleh itu, implikasi kajian ini menunjukkan bahawa penekanan aspek pengamalan ajaran Islam sangat penting agar pelajar menjadi seorang muslim yang mengamalkan akhlak yang baik dalam kehidupan harian berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah.

**KATA KUNCI:** Kefahaman, Pengamalan, Akhlak

---

### PENGENALAN

Islam adalah agama yang syumul dan lengkap dalam segenap bidang kehidupan sama ada dalam konteks akidah, ibadat mahupun akhlak. Kesempurnaan ini jelas menunjukkan bahawa Islam merupakan agama yang bukan hanya menekankan kepada spiritual semata-mata bahkan meliputi segenap bidang kehidupan. Namun, kesempurnaan tersebut bukanlah sesuatu yang dapat digapai dengan mudah, sebaliknya ia memerlukan kepada suatu proses yang berpanjangan iaitu pembelajaran serta pengkajian. Begitu juga bagi seseorang muslim, kita perlu sentiasa muhasabah serta mengenal pasti segala kekurangan serta kelemahan bagi mengatur langkah pengislahan diri, masyarakat dan seluruh alam.

Agama Islam sebagai *ad-Deen* atau *way of life* amat menekankan kepada pendidikan akhlak. Sesuai dengan hadis Rasulullah s.a.w yang bermaksud "Agama itu adalah nasihat" (Sahih Muslim, Jilid 1, Bil. 43); nasihat tentang yang betul dan yang salah. Tujuan utama perutusan Nabi Muhammad s.a.w. oleh Allah s.w.t kepada

manusia juga memperlihatkan kepentingan nilai akhlak atau moral dalam Islam, sebagaimana sabda baginda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: "Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia" (Imam Malik, hal. 132). Oleh itu, menurut kaca mata Islam nilai akhlak adalah sebahagian daripada agama Islam itu sendiri. Justeru, dalam Islam manusia yang paling tinggi statusnya adalah manusia yang paling mulia akhlaknya dan tinggi sifat taqwanya.

Selain daripada memahami, menghayati dan mengamalkan akhlak, umat Islam dianjurkan supaya mengamalkan adab-adab mulia dalam kehidupan. Ini kerana setiap perkara ada kandungan dan bentuknya. Dalam akhlak, antara kandungannya ialah adab, manakala bentuk intipatinya ialah iman dan taqwa. Ini bermakna apabila menyebut konsep akhlak, ia secara langsung menyentuh adab-adab mulia. Adab yang kata akarnya addaba bermaksud mengajarkan adab. Adab juga boleh membawa maksud adat kebiasaan. Tegasnya, ia menggambarkan satu kebiasaan, budi pekerti dan perilaku yang diambil daripada orang yang dianggap sebagai contoh (Marwan Ibrahim al-Kaysi, 1997).

Kesimpulannya, aspek akhlak sangat ditekankan dalam Islam, malah ia merupakan sebahagian daripada agama Islam itu sendiri. Untuk memelihara kehidupan yang harmoni, maka penekanan kepada sudut keagamaan dan kerohanian amatlah penting terutama dalam penekanan iman yang berlandaskan tauhid kepada Allah s.w.t. Ini kerana kuat atau lemahnya iman seseorang dapat diukur dan diketahui daripada perilaku akhlaknya. Iman yang kuat akan mewujudkan akhlak yang baik dan mulia, sedangkan iman yang lemah melahirkan akhlak yang buruk dan keji (Mohd. Kamal Hassan, 1987). Maka jelas di sini, peranan agama dan aspek rohani perlu ditekankan dalam apa jua bentuk pendidikan akhlak dan moral. Pendidikan akhlak berteraskan nilai agama adalah lebih sempurna dan menjamin melahirkan insan yang berkualiti sebagai hamba dan khalifah Allah di muka bumi.

## **PENYATAAN MASALAH**

Keruntuhan akhlak masyarakat yang terdiri daripada belia, remaja dan orang dewasa merupakan suatu yang tidak asing lagi. Kini, masalah keruntuhan akhlak bukanlah semestinya berlaku di kawasan bandar sahaja. Bahkan, turut menular di kawasan kampung di luar bandar yang terkenal dengan adab sopan.

Masyarakat dunia kini sedang melalui fenomena 'kemerosotan moral' (moral decline) 'dekadensi moral' (moral decadent) dan juga ketidakpastian moral (moral uncertainty). Suasana ini sangat berkait rapat dengan penjajahan pemikiran dan penguasaan budaya barat secara berterusan terhadap seluruh warga dunia melalui wahana globalisasi dan imperialisme budaya (Abd. Rahman Embong, 2002). Corak pemikiran dan budaya barat ini mengekal dan mengembangkan fahaman sekular yang membuat pemisahan secara terang-terangan antara agama dan aspek kehidupan yang lain. Perkembangan ini dikatakan menjadi punca kepada keruntuhan dalam aspek kejiwaan manusia dan keruntuhan nilai yang amat ketara (Osman Bakar, 1997).

Daripada hasil kajian Siti Mariam Samat (2002) ke atas salah sebuah politeknik mendapati bahawa pihak pengurusan politeknik tersebut telah melakukan pengawal yang tinggi bagi menangani masalah sosial, namun masalah sosial ini tetap berterusan walaupun iatidak kritikal disebahagian faktor-faktor di luar kawalan pihak pengurusan. Sikap sebahagian pihak pentadbiran institusi-institusi pendidikan dan juga pengajar-pengajar yang hanya mementingkan kepada kecemerlangan akademik semata-mata haruslah diperbetulkan di mana aspek pembangunan insan dan penerapan nilai harus diberikan perhatian yang menyeluruh bagi melahirkan pelajar yang cemerlang dan bersahsia tinggi. Sehubungan itu Ab. Halim Tamuri (2000) mendapati bahawa masih ramai guru yang tidak dapat menerapkan nilai-nilai murni semasa proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) berlangsung.

Kajian yang dilakukan oleh Asmahan berkenaan pengamalan ajaran Islam difokuskan dalam aspek akidah, ibadah dan akhlak. Hasil kajian beliau mendapati tahap pengamalan ajaran Islam dalam kalangan responden kajian berada pada tahap yang tinggi bagi setiap aspek yang dikaji. Dalam aspek akidah, 54.2 peratus berada

pada tahap tinggi, 16.7 peratus berada pada tahap sederhana dan 29.1 peratus berada pada tahap rendah. Dalam aspek ibadah, 58.4 peratus pelajar berada pada tahap tinggi, 8.3 peratus pelajar pada tahap sederhana dan 33.3 peratus pada tahap rendah. Dalam aspek akhlak, 62.5 peratus berada pada tahap tinggi, 16.7 peratus berada pada tahap sederhana dan 20.8 peratus berada pada tahap rendah.

Manakala kajian berkenaan kursus Pendidikan Islam di Politeknik Ungku Omar telah dilakukan yang meninjau kurikulum Pendidikan Islam dalam aspek pencapaian matlamat. Kajian ini dilakukan oleh Shamshuddin (1990) yang bertajuk *Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Ungku Omar: Satu Tinjauan Kurikulum ke Arah Pencapaian Matlamat*. Kajian ini menilai tahap pencapaian matlamat Pendidikan Islam di peringkat Politeknik Ungku Omar yang antaranya menumpukan kepada sikap pelajar terhadap kursus Pendidikan Islam yang diwajibkan dan menilai sejauh mana pengetahuan asas agama Islam di kalangan pelajar. Antara hasil dapatan kajiannya mendapati pencapaian matlamat Pendidikan Islam di PUO tidak memuaskan, beliau juga mendapati peratus pelajar yang bersikap negatif lebih tinggi berbanding pelajar yang bersikap positif terhadap kursus tersebut yang menunjukkan ramai pelajar PUO kurang berminat terhadap kursus tersebut. Beliau merumuskan 58.0 peratus responden kurang berminat terhadap kursus Pendidikan Islam yang ada. Manakala dalam aspek pengetahuan asas pelajar dalam ajaran Islam masih di tahap sederhana. Hasil kajian mendapati hanya 62.0 peratus daripada responden menguasai pengetahuan asas agama Islam.

Sehubungan itu, timbul persoalan sejauhmanakah pula kefahaman dan pengamalan akhlak di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS). Justeru, satu kajian perlu dijalankan untuk mengenalpasti situasi semasa tahap kefahaman dan pengamalan akhlak dan adakah ia berbeza daripada aspek objektif, faktor jantina dan tempat tinggal.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif tersebut:

1. Untuk mengenalpasti tahap kefahaman akhlak dalam kalangan pelajar POLIMAS.
2. Untuk mengenalpasti tahap pengamalan akhlak dalam kalangan pelajar POLIMAS.
3. Untuk menentukan perbezaan kefahaman dan pengamalan akhlak berdasarkan jantina dan tempat tinggal.

## **TINJAUAN LITERATUR**

### **Konsep Akhlak**

Akhlakadalah kata jamak daripada perkataan *khuluq* yang bermaksud keadaan dalaman diri yang terbit darinya berbagai tingkah laku yang baik atau buruk dengan sendirinya tanpa perlu difikirkan. Terdapat tingkah laku yang zahir dengan secara sendirinya seperti perasaan marah dan takut. Ada pula tingkah laku yang zahir menerusi didikan dan latihan sehingga tingkah laku tersebut menjadi kebiasaan (Ibrahim Mustafa, t.th).

Perkataan akhlak adalah kata jamak dari *khuluq*. Menurut Ibnu Athir, *khuluq* atau *akhlaq* ialah bentuk kejadian manusia dari sudutnya yang batin. Tokoh falsafah akhlak Islam, Miskawaih (1966) pula merumuskan bahawa akhlak ialah suatu keadaan bagi diri atau jiwa (*al-nafs*) yang mendorong diri atau jiwa untuk melakukan sesuatu perbuatan atau tindakan dengan senang tanpa didahului oleh daya pemikiran, kerana sudah menjadi sifat atau kebiasaan. Imam Al-Ghazali pula menghuraikan bahawa akhlak adalah suatu keadaan yang tetap dalam diri atau jiwa yang melahirkan tindakan, perlakuan, atau perilaku amalan dengan mudah tanpa memerlukan pemikiran. Ia merupakan suatu keadaan atau sifat yang ada di dalam diri atau jiwa

manusia yang telah tetap, sehingga dengan mudah melahirkan perlakuan atau perilaku yang baik atau buruk tanpa difikir atau dirancang terlebih dahulu (Mohd Sulaiman Yasin, 1992). Walau bagaimanapun, Jalaluddin dan Usman (1994) menegaskan bahawa kewujudan akhlak yang mulia terlihat di dalam sikap pengabdian (sikap dan tingkahlaku) seseorang hamba kepada Allah SWT dan kepada persekitarannya, baik kepada sesama manusia, mahupun terhadap alam sekitar.

Ab. Halim dan Zarin (2002) pula merumuskan bahawa akhlak ialah satu set kepercayaan, undang-undang dan sistem yang berkaitan dengan kelakuan atau tindakan manusia yang menentukan sesuatu perkara itu baik atau buruk, dan betul atau salah dalam konteks ketauhidan manusia kepada Allah S.W.T.

Jika ditinjau dari sudut penggunaan dalam al-Qur'an dan Sunnah, akhlak merujuk kepada keyakinan hati seperti perkara-perkara akidah, amalan-amalan hati seperti ikhlas, sabar dan redha, cetusan pemikiran seperti pandangan dan idea, tingkah laku yang zahir seperti solat, bersedekah, usaha mencari ilmu dan sebagainya. Perkara ini disebut dalam al-Quran ketika Allah SWT menjelaskan tentang akhlak Rasulullah S.A.W menerusi firman Allah dalam surah al-Qalam ayat 4 bermaksud:

*"Dan sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti (khuluq) yang agung"*

(al-Qalam:4)

Dalam hal ini, Aisyah r.a sendiri memperakui bahawa akhlak baginda Rasulullah saw adalah al-Quran. Ini membuktikan bahawa akhlak dari perspektif Islam dasarnya adalah berasaskan al-Quran dan al-Sunnah. Bidanganya amat luas mencakupi setiap amalan yang zahir dan batin serta tingkah laku zahir manusia. Akhlak juga berkaitan langsung dengan balasan pahala dan dosa di dunia serta balasan syurga atau neraka di akhirat. Ab. Halim dan Zarin (2002) pula merumuskan bahawa akhlak ialah satu set kepercayaan, undang-undang dan sistem yang berkaitan dengan kelakuan atau tindakan manusia yang menentukan sesuatu perkara itu baik atau buruk, dan betul atau salah dalam konteks ketauhidan manusia kepada Allah S.W.T.

### **Kajian-kajian lepas**

Antara kajian-kajian lepas berkaitan adalah seperti Kajian Alias (2010) yang bertajuk *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*. Kajian beliau mendapati tingkah laku pelajar Politeknik dari aspek akidah berada pada tahap tinggi, manakala tingkah laku ibadah dan akhlak pada tahap sederhana. Kajian Asmahan (2009) bertajuk *Pengamalan Ajaran Islam di Kalangan Remaja Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang, Perak*. Kajian beliau berkenaan pengamalan ajaran Islam difokuskan dalam aspek akidah, ibadah dan akhlak. Hasil kajian beliau (2009: 88) mendapati tahap pengamalan ajaran Islam dalam kalangan responden kajian berada pada tahap yang tinggi bagi setiap aspek yang dikaji. Dalam aspek akhlak, 62.5 peratus berada pada tahap tinggi, 16.7 peratus berada pada tahap sederhana dan 20.8 peratus berada pada tahap rendah.

Daripada perspektif Islam, ibu bapa bertanggungjawab menentukan masa depan anak-anak seperti dijelaskan dalam hadith Rasulullah SAW yang bermaksud: Setiap anak dilahirkan di atas fitrah, maka kedua ibu bapanya menentukan sama ada mereka menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi (Riwayat Bukhari & Muslim dalam Hasnan, 2008). Pendidikan ke atas seorang anak bermula dalam institusi keluarga secara tidak formal sebelum mereka memasuki alam persekolahan formal. Ia merangkumi pendidikan akidah, ibadah dan akhlak (Mustafa, 1997, Abdullah Nasih, 2000). Ini amat penting bagi memastikan anak-anak mendapat pendedahan awal tentang agama bagi membentuk nilai kerohanian yang mantap dalam diri anak-anak (Abdul Monir, 2007).

Menurut Abdullah Nasih (2000), methodologi pendidikan anak-anak yang berkesan perlu dilakukan oleh pendidik sama ada ibu bapa atau guru merangkumi lima perkara iaitu melalui contoh teladan, kebiasaan atau adat, pengajaran, pemerhatian dan melalui hukuman atau denda. Sebagai ibu bapa, pendidikan menerusi contoh teladan sama ada melalui percakapan atau perbuatan perlu diberi perhatian utama kerana anak-anak lazimnya belajar menerusi

pemerhatian mereka terhadap tingkah laku ibu bapa (Mahmood, 2008). Islam juga menekankan pentingnya ibu bapa memastikan anak-anak bergaul dengan rakan sebaya yang baik akhlakunya. Menurut Imam al-Ghazali, antara kaedah pembersihan jiwa (tazkiyah al-nafs) bagi membentuk akhlak yang mulia dalam diri seseorang anak adalah dengan memastikan mereka bergaul dan bersahabat dengan sahabat yang soleh dan baik akhlakunya (Mohd. Nasir, 2010; Zakaria, 2001).

Didapati kajian Seri Kartini Jurami dan Fariza Md Sham (2013) yang bertujuan mengkaji tahap pengamalan ajaran Islam dalam kalangan responden kajian dari aspek akidah, ibadah dan akhlak dalam kalangan pelajar *Politeknik Ungku Omar*. Hasil kajian mendapati tahap pengamalan ajaran Islam dalam kalangan responden dalam semua aspek yang dikaji iaitu akidah = 100.0 peratus, ibadah = 94.0 peratus dan akhlak = 96.0 peratus berada pada tahap yang tinggi. Kesimpulan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar di *PUO* adalah baik.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### Kefahaman Akhlak

Berdasarkan Jadual di bawah, item 2 (Saya memahami tujuan berselawat) dalam konstruk kefahaman akhlak pelajar menunjukkan nilai min yang tertinggi iaitu 4.94 dengan bacaan sebanyak 1.3% setuju dan 98.7% sangat setuju. Berdasarkan jadual interpretasi min yang digunakan item tersebut berada pada tahap yang tinggi. Manakala bacaan nilai min terendah adalah pada item 7 (Jika ingin meminjam barang orang lain, kita perlulah memohon izin terlebih dahulu) iaitu 4.02 dengan bacaan 97.6% setuju dan 2.4% sangat setuju, pada item 8 (Berakhlak bermaksud melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahatan iaitu maksiat) iaitu 4.02 dengan 97.1% setuju dan 2.9% sangat setuju. Walaubagaimapun nilai min ini masih berada pada tahap yang tinggi walaupun ianya rendah berbanding dengan item-item yang lain. Secara keseluruhan berdasarkan jadual ini, min item-item dalam konstruk kefahaman akhlak ini menunjukkan bahawa pelajar POLIMAS mempunyai akhlak yang baik dalam diri mereka. Seterusnya bagi konstruk kefahaman ajaran Islam berkaitan akhlak pelajar bacaan min ialah 4.50 yang menunjukkan bahawa nilai min tersebut adalah tinggi. Dapatan ini menjelaskan bahawa majoriti pelajar POLIMAS telah memahami ajaran Islam berkenaan akhlak yang baik dalam kehidupan mereka.

### Perbandingan Skor Min Bagi Item-Item Kefahaman Akhlak dan Min Keseluruhan Bagi Konstruk.

Bil	Item	STS %	TS %	TP %	S %	SS %	Min
1.	Mencari redha Allah dengan berbuat baik sesama manusia	-	-	-	2.6	97.4	4.97
2.	Saya memahami tujuan berselawat	-	-	-	1.3	98.7	4.98
3.	Menjaga tutur kata adalah salah satu akhlak mulia	-	-	-	2.6	97.4	4.97
4.	Memberi salam adalah amalan mulia	-	-	-	2.1	97.9	4.97
5.	Islam menganjurkan kita menolong sesama manusia dalam hal kebajikan	-	-	-	95.3	4.7	4.04
6.	Saya faham perasaan orang lain	-	-	-	94.8	5.2	4.05

7.	Jika ingin meminjam barang orang lain, kita perlulah memohon izin terlebih dahulu	-	-	-	97.6	2.4	4.02
8.	Berakhlak bermaksud melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahatan (maksiat)	-	-	-	97.1	2.9	4.02
9.	Memaafkan kesalahan orang lain adalah amalan mulia	-	-	-	94.8	5.2	4.05
10.	Bercakap benar adalah amalan mulia	-	-	-	3.1	96.9	4.96
Jumlah Konstruk Kefahaman Akhlak							4.50

### Pengamalan Akhlak Responden

Dapatan kajian mengenai pengamalan akhlak responden adalah seperti jadual di bawah. Skor min tertinggi ialah 4.73 dan skor min terendah 4.20. Ini menunjukkan skor min setiap item berada pada tahap min yang tinggi. Berdasarkan analisis tersebut secara keseluruhan akhlak pelajar dengan pensyarah adalah baik. Namun, terdapat sebahagian kecil pelajar yang melakukan perkara yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam.

Berdasarkan Jadual tersebut, item 1 (Saya mencari keredhaan Allah dengan berbuat baik sesama manusia) dalam konstruk pengamalan akhlak pelajar menunjukkan nilai min yang tertinggi iaitu 4.73 dengan bacaan seramai 0.3% tidak setuju, 2.4% Tidak Pasti, 21.0% Setuju dan 76.4% Sangat Setuju. Berdasarkan jadual interpretasi min yang digunakan item tersebut berada pada tahap yang tinggi. Manakala bacaan nilai min terendah adalah pada item 15 (Saya sentiasa berkata benar) iaitu 4.20 dengan bacaan 0.5% sangat tidak setuju, 2.9% tidak setuju, 15.7% tidak pasti, 37.5% setuju, 43.3% sangat setuju.. Walaubagaimapun nilai min ini masih berada pada tahap yang tinggi. Secara keseluruhan berdasarkan jadual ini, min item-item dalam konstruk pengamalan akhlak ini menunjukkan bahawa pelajar POLIMAS mempunyai akhlak yang baik dalam diri mereka.

Seterusnya bagi konstruk pengamalan akhlak pelajar bacaan min ialah 4.54 yang menunjukkan bahawa nilai min tersebut adalah tinggi. Dapatan ini menjelaskan bahawa majoriti pelajar POLIMAS telah mengamalkan akhlak yang baik dalam kehidupan mereka.

### Perbandingan Skor Min Bagi Item-Item Tahap Pengamalan Ajaran Akhlak dan Min Keseluruhan Bagi Konstruk

Bil	Item	STS %	TS %	TP %	S %	SS %	Min
1	Saya mencari keredhaan Allah dengan berbuat baik sesama manusia	-	0.3	2.4	21.0	76.4	4.73
2	Apabila saya mendengar seseorang berselawat ke atas Nabi, saya akan segera menjawab selawat tersebut.	-	0.5	5.0	18.4	76.1	4.70
3	Saya sentiasa menjaga tutur kata bila berbicara dengan ibu bapa saya	-	-	4.7	25.7	69.6	4.64
4	Saya sentiasa mengucapkan salam apabila bertemu dengan guru	-	0.5	9.1	31.0	60.4	4.48
5	Saya akan segera membantu orang yang dalam kesusahan	-	0.5	8.1	31.0	60.4	4.51
6	Saya sentiasa menjaga tingkah laku saya agar	-	0.8	7.9	29.1	62.2	4.52

7	tidak menyinggung perasaan orang lain Saya berlapang dada menerima teguran orang lain yang memperbetulkan kesalahan saya	-	0.5	5.2	28.9	65.4	4.59
8	Saya tidak mudah marah dalam situasi yang tidak menyenangkan	-	0.8	2.1	16.5	25.5	4.32
9	Saya suka penampilan yang sopan	-	0.3	5.0	22.6	72.2	4.66
10	Apabila saya memberi atau membantu seseorang saya tidak mengharapkan sebarang balasan	1.0	0.3	5.2	24.7	68.8	4.59
11	Saya tidak akan mengambil barang orang tanpa meminta kebenaran terlebih dahulu	1.0	0.3	4.7	22.6	71.4	4.62
12	Saya tidak gembira apabila keluar berduaan bersama kekasih saya	2.1	2.4	14.4	25.5	55.6	4.30
13	Jika kawan saya meminjam wang daripada saya, adalah tidak wajar saya meminta beliau membayar lebih daripada jumlah wang yang dipinjam	1.3	0.8	3.1	13.1	81.6	4.72
14	Saya akan segera meminta maaf sekiranya melakukan kesalahan	-	-	7.9	29.1	63.0	4.55
15	Saya sentiasa berkata benar	0.5	2.9	15.7	37.5	43.3	4.20
Jumlah Konstruk Pengamalan Akhlak							4.54

#### Perbezaan kefahaman akhlak dalam kalangan pelajar POLIMAS berdasarkan jantina.

Hipotesis pertama ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan kefahaman akhlak dalam kalangan pelajar POLIMAS berdasarkan jantina.

Berdasarkan Jadual tersebut didapati nilai-t bagi perbandingan kefahaman akhlak dalam kalangan pelajar POLIMAS berdasarkan jantina ialah  $t = 2.082$  dan tahap signifikan  $p=0.038$ . Tahap signifikan ini lebih kecil daripada  $0.05(p<0.05)$ . Oleh itu,  $H_0$  ditolak. Jadi, terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman tentang akhlak dalam kalangan pelajar POLIMAS berdasarkan jantina. Skor min tahap kefahaman tentang akhlak dalam kalangan pelajar lelaki POLIMAS ( $\text{min}=4.51$ ) adalah lebih tinggi daripada pelajar perempuan ( $\text{min}=4.50$ ). Ini bermakna wujudnya perbezaan antara tahap kefahaman akhlak dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan POLIMAS.

#### Perbezaan Kefahaman ajaran Islam Mengikut Jantina

Jantina	Bil.	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Tahap Signifikan
Lelaki	193	4.51	0.66	2.082	0.038
Perempuan	188	4.50	0.53		

#### Perbezaan kefahaman akhlak berdasarkan tempat tinggal.

Hipotesis kedua iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman akhlak dalam kalangan pelajar POLIMAS berdasarkan tempat tinggal.

Berdasarkan Jadual tersebut didapati nilai-t bagi perbandingan tahap kefahaman tentang akhlak dalam kalangan pelajar POLIMAS yang tinggal di bandar dan yang tinggal di luar bandar ialah  $t=-0.66$  dan tahap signifikan  $p=0.626$ . Tahap signifikan ini lebih besar daripada  $0.05(p>0.05)$ . Oleh itu,  $H_0$  gagal ditolak atau

hipotesis diterima. Jadi, tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman akhlak pelajar antara yang tinggal di bandar dengan di luar bandar.

Skor min tahap kefahaman ajaran Islam pelajar yang tinggal di bandar (min=4.75) adalah hampir sama dengan pelajar yang tinggal di luar bandar (min=4.76). Ini bermakna tahap kefahaman tentang akhlak pelajar yang tinggal di bandar dengan di luar bandar adalah sama.

#### Perbezaan Kefahaman Akhlak Berdasarkan Tempat Tinggal

Tempat Tinggal	Bil.	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Tahap Signifikan
Bandar	186	4.51	0.66	0.487	0.626
Luar Bandar	195	4.57	0.55		

#### Perbezaan tahap pengamalan akhlak dalam kalangan pelajar POLIMAS berdasarkan jantina.

Hipotesis ketiga iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengamalan akhlak dalam kalangan pelajar POLIMAS berdasarkan jantina.

Berdasarkan Jadual dibawah didapati nilai-t bagi perbandingan tahap pengamalan akhlak dalam kalangan pelajar POLIMAS berdasarkan jantina ialah  $t = 1.032$  dan tahap signifikan  $p = 0.303$ . Tahap signifikan ini lebih besar daripada  $0.05 (p > 0.05)$ . Oleh itu,  $H_03$  gagal ditolak atau hipotesis diterima. Jadi, tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengamalan akhlak dalam kalangan pelajar POLIMAS berdasarkan jantina. Skor min tahap pengamalan akhlak dalam kalangan pelajar lelaki (min=4.65) adalah hampir sama dengan daripada pelajar perempuan (min=4.63). Ini bermakna tahap pengamalan akhlak dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan adalah sama.

#### Perbezaan Pengamalan Akhlak Mengikut Jantina

Jantina	Bil.	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Tahap Signifikan
Lelaki	193	4.57	0.51	1.032	0.303
Perempuan	188	4.51	0.43		

#### Perbezaan tahap pengamalan akhlak berdasarkan tempat tinggal.

Hipotesis keempat iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengamalan akhlak dalam kalangan pelajar POLIMAS berdasarkan tempat tinggal.

Berdasarkan Jadual dibawah didapati nilai-t bagi perbandingan tahap pengamalan akhlak dalam kalangan pelajar POLIMAS yang tinggal di bandar dan yang tinggal di luar bandar ialah  $t = -1.229$  dan tahap signifikan  $p = 0.220$ . Tahap signifikan ini lebih besar daripada  $0.05 (p > 0.05)$ . Oleh itu,  $H_04$  gagal ditolak atau hipotesis diterima. Jadi, tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengamalan akhlak pelajar antara yang tinggal di bandar dengan di luar bandar.

Skor min tahap pengamalan akhlak Islam pelajar yang tinggal di bandar (min=4.51) adalah hampir sama dengan pelajar yang tinggal di luar bandar (min=4.57). Ini bermakna tahap amalan akhlak pelajar yang tinggal di bandar dengan di luar bandar adalah sama.

#### Perbezaan Pengamalan Ajaran Islam Berdasarkan Tempat Tinggal

Tempat Tinggal	Bil.	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Tahap Signifikan
Bandar	186	4.51	0.49	-1.229	0.220
Luar Bandar	195	4.57	0.45		



## **PERBINCANGAN**

### **Tahap Kefahaman Akhlak**

Berdasarkan hasil kajian, item 2 (Saya memahami tujuan berselawat) dalam konstruk kefahaman akhlak pelajar menunjukkan nilai min yang tertinggi iaitu 4.94 dengan bacaan sebanyak 1.3% setuju dan 98.7% sangat setuju. Berdasarkan jadual interpretasi min yang digunakan item tersebut berada pada tahap yang tinggi. Manakala bacaan nilai min terendah adalah pada item 7 (Jika ingin meminjam barang orang lain, kita perlulah memohon izin terlebih dahulu) iaitu 4.02 dengan bacaan 97.6% setuju dan 2.4% sangat setuju, pada item 8 (Berakhlak bermaksud melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahatan iaitu maksiat) iaitu 4.02 dengan 97.1% setuju dan 2.9% sangat setuju. Walaubagaimapun nilai min ini masih berada pada tahap yang tinggi walaupun ianya rendah berbanding dengan item-item yang lain. Secara keseluruhan berdasarkan jadual ini, min item-item dalam konstruk pengamal akhlak ini menunjukkan bahawa pelajar POLIMAS mempunyai akhlak yang baik dalam diri mereka.

Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Shamsudin (1990) yang telah dilakukan di PUO mendapati majoriti iaitu 62% peratus responden kajiannya menguasai pengetahuan asas agama Islam. Namun dapatan peratusan kefahaman dalam kajian Seri Kartini binti Jurami (2012) adalah lebih tinggi berbanding kajian tersebut iaitu 91%.

### **Pengamalan Akhlak Responden**

Dapatan kajian mengenai pengamalan akhlak responden adalah seperti jadual 10. Skor min tertinggi ialah 4.73 dan skor min terendah 4.20. Ini menunjukkan skor min setiap item berada pada tahap min yang tinggi. Berdasarkan analisis tersebut secara keseluruhan akhlak pelajar dengan pensyarah adalah baik. Namun, terdapat sebahagian kecil pelajar yang melakukan perkara yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam.

Penyataan ini turut disebut oleh Al-'Utsaimin (2008) menjelaskan akhlak sebagai gambaran batin manusia. Ia lahir dari jiwa manusia dan terzahir dalam perwatakan dan tingkahlaku mereka. Mohd Asri et al. (2007) merumuskan akhlak yang mulia adalah tindakan yang lahir dari keimanan dan ketakwaan seseorang. Oleh itu, pengamalan akhlak dalam kehidupan pelajar muslim tidak dapat dipisahkan dari kehidupan seharian dan mengamalkannya merupakan satu tuntutan dalam ajaran Islam.

Dapatan kajian Seri Kartini binti Jurami "Pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar melalui kursus Pendidikan Islam di Politeknik Ungku Omar, Ipoh Perak". Kajian terhadap tahap pengamalan akhlak responden menunjukkan 96.0 peratus yang mewakili 96 orang responden berada pada tahap pengamalan akhlak tahap tinggi, 4.0 peratus yang mewakili 4 orang responden berada pada tahap pengamalan akhlak yang sederhana dan tiada seorang responden iaitu 0.0 peratus berada pada tahap pengamalan akhlak yang rendah. Dapatan kajian ini menunjukkan tahap pengamalan akhlak majoriti (96%) responden adalah baik. Sementara dapatan kajian Asmahan (2009:88) menunjukkan 62.5 peratus respondennya berada pada tahap pengamalan akhlak yang tinggi, 16.7 peratus responden berada pada tahap pengamalan akhlak sederhana dan 20.8 peratus responden berada pada tahap pengamalan akhlak yang rendah.

Dapatan ini selari kajian oleh Khairul Hamimah Binti Mohammad Jodi (2008) mengupas sejauhmana pemahaman dan penghayatan akidah seseorang pelajar di kalangan Institut Pengajian Tinggi Swasta mempunyai hubungkait seterusnya memberi kesan terhadap pembentukan akhlak mereka. Hasil kajian mendapati penghayatan dan pemahaman akidah yang cetek memandu kepada kerapuhan iman seterusnya menjerumus pelajar ke kancan perlakuan akhlak yang tidak sihat.

### **Perbezaan tahap kefahaman akhlak dalam kalangan pelajar POLIMAS berdasarkan jantina.**

Berdasarkan hasil kajian, perbandingan kefahaman akhlak dalam kalangan pelajar POLIMAS menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan kefahaman tentang akhlak dalam kalangan pelajar POLIMAS berdasarkan jantina. Ini bermakna wujudnya perbezaan antara kefahaman tentang akhlak dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan POLIMAS.

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kefahaman tentang akhlak dalam kalangan pelajar POLIMAS berdasarkan jantina.

Dapatan kajian ini menyokong hasil kajian Azhar (2006) bahawa, terdapat perbezaan yang signifikan antara responden perempuan dengan responden lelaki. Responden perempuan didapati mempunyai tahap penghayatan akhlak yang lebih tinggi berbanding lelaki. Dapatan ini juga selari dengan Azma (2006) yang menghasilkan profil konstruk penghayatan akhlak pelajar perempuan di sekolah menengah lebih tinggi berbanding lelaki.

Hasil kajian ini berbeza dengan Siti Rokiah Binti Abdul Ghani (2007), kajian yang dijalankan bertujuan untuk melihat tahap amalan solat dan hubungannya dengan akhlak pelajar. Hasil utama kajian ini mendapati bahawa tahap amalan solat dan tahap akhlak pelajar adalah berada pada tahap tinggi. Hasil kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan solat berdasarkan jantina tetapi terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan solat berdasarkan pencapaian dalam Pendidikan Islam untuk SPM.

### **Perbezaan tahap kefahaman tentang akhlak berdasarkan tempat tinggal.**

Hasil kajian perbandingan kefahaman akhlak dalam kalangan pelajar POLIMAS yang tinggal di bandar dan yang tinggal di luar bandar menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan kefahaman akhlak pelajar antara yang tinggal di bandar dengan di luar bandar. Ini bermakna kefahaman akhlak pelajar yang tinggal di bandar dengan di luar bandar adalah sama.

Dapatan ini mempunyai persamaan dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Mohd Najib Abd. Ghaffar (2007) tentang kajian konsep sendiri pelajar sekolah menengah yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan terhadap tujuh konsep sendiri pelajar berdasarkan lokasi tempat tinggal mereka. Kajian ini juga membuktikan bahawa selain daripada faktor keluarga, keadaan persekitaran dan lokasi tempat tinggal juga mempunyai pengaruh dalam proses perkembangan konsep sendiri remaja.

### **Perbezaan pengamalan akhlak dalam kalangan pelajar POLIMAS berdasarkan jantina.**

Hasil kajian perbandingan pengamalan akhlak dalam kalangan pelajar POLIMAS menunjukkan, tidak terdapat perbezaan yang signifikan kefahaman tentang akhlak dalam kalangan pelajar POLIMAS berdasarkan jantina. Ini bermakna pengamalan akhlak dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan POLIMAS adalah sama.

Dapatan kajian ini berbeza dengan hasil kajian Safar, A. & Tamuri, A.H. (2011) dalam kajian mengenai Tahap Penghayatan akhlak dalam kalangan pelajar Sekolah menurut pentaksiran rakan sebaya, iaitu tahap pencapaian akhlak rakan sebaya responden perempuan lebih baik berbanding lelaki. Pencapaian aras baik dan ke atas seramai 82.9% bagi perempuan berbanding aras baik dan ke atas bagi lelaki seramai 70.1%.

### **Perbezaan pengamalan akhlak berdasarkan tempat tinggal.**

Berdasarkan hasil kajian, perbandingan pengamalan akhlak dalam kalangan pelajar POLIMAS yang tinggal di bandar dan yang tinggal di luar bandar menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pengamalan akhlak pelajar antara yang tinggal di bandar dengan di luar bandar. Skor min tahap pengamalan ajaran Islam pelajar yang tinggal di bandar (min=4.61) adalah hampir sama dengan pelajar yang tinggal di luar bandar (min=4.67). Ini bermakna tahap amalan akhlak pelajar yang tinggal di bandar dengan di luar bandar adalah sama.

Dapatan ini berbeza dengan kajian Safar, A. & Tamari, A.H. (2011) faktor demografi menunjukkan terdapat perbezaan aras pencapaian akhlak responden mengikut lokasi sekolah. Lokasi sekolah menengah di Bandar menunjukkan aras pencapaian baik dan ke atas lebih tinggi iaitu 81.5% berbanding lokasi sekolah di luar Bandar seramai 73.5%. Dapatan ini juga bertentangan dengan kajian Azhar (2006) bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penghayatan akhlak bagi factor demografi iaitu lokasi sekolah Bandar dan luar Bandar.

## **CADANGAN**

Terdapat beberapa cadangan bagi pihak yang terlibat secara langsung dalam memberi kefahaman dan mendidik serta membentuk pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar. Cadangan-cadangan seperti berikut:

### **Cadangan Terhadap Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kurikulum Politeknik**

Cadangan utama agar sukatan pelajaran Pendidikan Islam diberi penekanan perkara fardhu ain dalam kehidupan harian. Pentaksiran berbentuk amali amat sesuai bagi merealisasikan kefahaman dan seterusnya pengamalan ajaran Islam. Penilaian bukanlah sekadar mengukur pengetahuan sahaja malah ia lebih kepada pengukuhan dan penguatan kepada pelajar untuk memahami serta mengamalkan ajaran Islam yang telah dipelajari.

### **Cadangan Terhadap Pihak Pengurusan POLIMAS**

Pihak pengurusan POLIMAS hendaklah senantiasa memberi sokongan padu kepada mana-mana pensyarah, unit Pendidikan Islam dan Pusat Islam POLIMAS bagi membanyakkan program penghayatan Islam di POLIMAS. Usaha ini bagi melahirkan pelajar yang berkomitmen tinggi dalam melakukan ibadah ke arah melahirkan pelajar yang berakhlak mulia, bersahsiah dan berwibawa sehingga mereka dapat menjadi kebanggaan POLIMAS. Mengadakan kursus dan latihan untuk pelajar sama ada di peringkat jabatan pengajian atau peringkat POLIMAS bagi menjamin terus memberi komitmen terhadap program-program yang memberi manfaat kepada diri pelajar.

### **Cadangan Terhadap Pensyarah Pendidikan Islam**

Para pensyarah disarankan untuk menekankan pelaksanaan amalan fardhu ain di sesi pengajaran dan pembelajaran. Penekanan tentang akhlak dalam kehidupan harian juga perlu di ingatkan selalu. Disamping itu juga, kaedah dakwah dan kaunseling yang bersesuaian perlulah digunakan bagi menarik minat dan membimbing pelajar agar mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan harian.

### **Cadangan Terhadap Pelajar**

Semua pelajar perlulah senantiasa belajar untuk memahami ajaran Islam meliputi akidah, ibadah dan akhlak dan mempraktikkan amalan ajaran Islam khususnya amalan yang wajib serta amalan sunat bagi membina kekuatan diri daripada terpengaruh unsur-unsur negatif yang semakin berleluasa sekarang. Pelajar hendaklah berusaha menambah ilmu berkenaan Islam dengan menghadiri program-program kerohanian

yang dijalankan oleh pensyarah dan Pusat Islam POLIMAS yang boleh meningkatkan pengetahuan dan pengamalan ajaran Islam mereka. Program tersebut yang telah dijalankan seperti program-program sempena hari kebesaran Islam dan program bicara ad-deen yang selalunya di laksanakan selepas solat maghrib setiap minggu selama tiga hari iaitu pada hari ahad, isnin dan selasa.

## RUMUSAN

Dapatan kajian mendapati tahap kefahaman tentang akhlak dalam kalangan responden berada pada tahap yang tertinggi bagi setiap aspek yang dikaji. Manakala dapatan kajian mendapati tahap pengamalan dan akhlak juga tinggi. Namun terdapat sebahagian kecil responden tidak mengamalkan apa yang mereka faham terutama perkara-perkara yang berkaitan akhlak. Secara umumnya, dapatan kajian menunjukkan kefahaman tentang akhlak dalam kalangan pelajar di POLIMAS berjaya membimbing pelajar bagi mengamalkan akhlak dalam kehidupan harian.

Kajian ini diharapkan boleh dijadikan rujukan dan garis panduan untuk merancang dasar untuk penambahbaikan penerapan ajaran Islam tersebut dari masa ke masa dan seterusnya memeperkasakan lagi aktiviti bagi membolehkan pelajar melaksanakan ajaran Islam di politeknik khususnya di POLIMAS

Kefahaman tentang ajaran Islam berkaitan akhlak merupakan satu perkara yang paling penting dalam kehidupan kerana kefahaman dapat menanamkan keimanan dalam hati seseorang dan secara tidak langsung akan diterjemahkan dalam perbuatan seharian. Mereka yang jahil yakni tidak faham dalam ajaran Islam akan binasalah iman dan amalan mereka dan banyaklah musibah dan dosa yang akan dilakukan kerana rapuhnya pegangan dalam kehidupan.

## RUJUKAN

Al-Qu'ran al-Karim

- Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail. (2002). *Pendidikan Akhlak Dalam KBSM: Persepsi Pelajar Terhadap Konsep Akhlak*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 1). Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail. (2002). *Pendidikan Akhlak Dalam KBSM: Persepsi Pelajar Terhadap Konsep Akhlak*. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 1)*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, hal. 120-134.
- Ab. Halim Tamuri. "Pengetahuan Akhlak di Kalangan Pelajar-pelajar Sekolah Menengah". University of Birmingham : Tesis Ph.D, 2000.
- Abd. Rahman Embong, 2002. Faktor ideologi politik dan budaya dalam penutupan minda Melayu Islam. Himpunan kertas kerja isu dan proses pembukaan minda umat Melayu Islam. Dewan Bahasa & Pustaka: Kuala Lumpur.
- Abdul Monir, Y. (2007). *Membentuk keluarga menerusi nilai-nilai kekeluargaan Islam*. Dlm. Azrina, S. *Keluarga Islam, kemahiran keibubapaan dan cabaran semasa*. Kuala Lumpur: MPH Group Publishing & Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Abdullah Nasih, U. (2000). *Pendidikan anak-anak menurut pandangan Islam*. Jilid 2. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Ajmain@Jimaain Safar Dan Ab. Halim Tamuri, *Tahap Penghayatan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menurut Pentaksiran Rakan Sebaya*, 2<sup>nd</sup> International Conference on Islamic Education 2011 (ICIED 2011), 9th to 21st December 2011 Bangi-Putrajaya, Selangor, Malaysia.
- Alias Mat Saad. (2010). *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Imam Ahmad bin Hanbal, (1991). *Al-Musnad*. Juzuk 3. Kaherah: Dar al-Fikr.

- Asmahan Mokhtar. (2009). *Pengamalan Ajaran Islam di Kalangan Remaja Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang*, Perak. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azhar Ahmad. (2006). *Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah*. Tesis Ph.D Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Azma Mahmood. (2006). *Pengukuran Tahap Penghayatan Pendidikan Islam Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah di Malaysia*. Tesis Ph.D Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Hasnan, K. (2008). Pendidikan remaja muslim. Putrajaya: JAKIM.
- Ibrahim Mustafa, Ahmad al-Zayyat, Hamid Abdul Qadir & Muhammad Ali al-Najjar. (t.th). *al-Mu'jam al-Wasit*. Beirut: Dar al-Fikr
- Jalaluddin & Usman Said. (1994). *Filsafat Pendidikan Islam: Konsep dan Perkembangan Pemikirannya*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.
- Khairul Hamimah Binti Mohammad Jodi. (2008). *Pemahaman Akidah Di Kalangan Pelajar Institut Pengajian Tinggi Swasta Dan Kesannya Terhadap Masalah Akhlak: Suatu Kajian*. Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah & Kesejahteraan Sosial 2008 pada 18-19 Ogos 2008, Melaka.
- Mahmood, Z. (2008). *Famili harmoni memupuk keluarga bahagia*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Marwan Ibrahim al-Kaysi, (1997). *Adab Sopan dan Budi Pekerti Dalam Islam*. (Terj.) Hussin Salamon dan Mohd. Nasir Ripin. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Miskawaih. Ahmad Ibnu Muhammad.(1966). *Tahdhib al-Akhlaq*. Suntingan C.K. Zuraik. Beirut: American University of Beirut.
- Mohd Asri Abdullah, Kamariah Yusoff & Che Kamaruddin Md Daud. (2007). *Prinsip-prinsip Asas Islam Syariah, Ibadat dan Akhlak*. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.
- Mohd Sulaiman Haji Yasin. (1992). *Akhlak Dan Tasawuf*. Bangi, Selangor: Yayasan Salman.
- Mohd. Kamal Hasan, (1987). Peranan Akhlak Dalam Pendidikan. *Jurnal Pendidikan Islam*. 8(3).
- Mohd. Najib bin Abd. Ghaffar. (2007). *Konsep Kendiri Pelajar: Kajian di Sekolah Menengah Sekitar Bandaraya Kuching, Sarawak, Seminar Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang*.
- Mohd. Nasir, O. (2010). *Falsafah akhlak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mustafa, H. D. (1997). *Institusi kekeluargaan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman Bakar (1997), *Pembinaan Semula Tamadun Islam: Strategi Ke Arah Mengembalikan Kegemilangan Umat Islam dalam Bidang Sains dan Teknologi*. Dlm. *Kecemerlangan Tamadun Islam dalam Menghadapi Cabaran Abad Ke- 15 Hijrah/21 Masihi*, Shah Alam: Institut Teknologi Mara.
- Sahih Muslim, (2003). (Terjemahan oleh Ma'mur Daud). Singapura: Darel Fajr Publishing House.
- Seri Kartini binti Jurami. (2012). *Pengamalan Ajaran Islam dalam kalangan pelajar melalui kursus Pendidikan Islam di PUO*. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Shamsudin Ab Latif. (1990). *Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Ungku Omar: Satu Tinjauan Kurikulum ke Arah Pencapaian Matlamat*. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Siti Mariam Samat. "Tahap Pengawalan Pihak Pengurusan Politeknik di Dalam Mengurangkan Gejala Sosial di Kalangan Pelajar". Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana, 2002.
- Siti Rokiah Binti Abdul Ghani (2007). *Amalan Solat Di Kalangan Pelajar: Kajian Di Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan (Ciasst)*, Shah Alam, Selangor. Tesis Sarjanamuda. Bangi: UKM.
- Zakaria, S. (2001). *Akidah & akhlak dalam kehidupan Muslim*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

